

# Ibu bapa patut menabung untuk pelajaran anak

B.H m/s 10 27.2.07



**Suara  
Orang Muda**

Bersama

**Noraini Ahmad**

E-mel: norainiputeri@yahoo.com

**B**AGAIKAN sindrom dalam sesebuah masyarakat, sesuatu perkara itu hanya dipandang serius apabila ia sudah menjadi perkara wajib. Malah, isu utama dan penting seperti soal pendidikan anak tidak terkecuali dibelenggu tembok pemikiran sedemikian.

Sejak dilancarkan, Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dilaporkan mendapat sambutan kurang menggalakkan daripada ibu bapa. Mungkin kerana ramai yang mengambil sikap mudah kerana kerajaan kita amat prihatin dalam soal pendidikan dengan menyediakan pelbagai insentif, bantuan, biasiswa dan pinjaman seperti pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Kita bertuah kerana kerajaan kita amat peramah dalam soal pendidikan. Contoh terkini ialah pengumuman peruntukan tambahan RM2.6 bilion bagi meningkatkan taraf pendidikan sekolah luar bandar di seluruh negara menjadikan peruntukan kepada Kementerian Pelajaran berjumlah RM12.3 bilion termasuk RM9.7 bilion yang diluluskan pada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Peruntukan besar disediakan untuk bidang pendidikan setiap tahun. Bagi yang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT), pinjaman dan bia-

siswa disediakan.

Kemudahan pendidikan sentiasa dipertingkatkan. Tapi malangnya ada di kalangan kita yang suka mengambil kesempatan daripada sikap prihatin dan pemu-rah kerajaan dengan meletakkan segala bebanan termasuk soal membabitkan pembiayaan pendidikan anak kepada kerajaan.

Ketika kita akur dan mengakui betapa masa depan anak bangsa terletak pada sektor pendidikan, soal anak sendiri memerlukan pembiayaan pelajaran bagaikan tidak terlintas pada fikiran.

Pada kita, kerajaan sentiasa menguhurkan bantuan. Selain pelbagai skim pinjaman dan biasiswa, PTPTN dilihat sebagai sentiasa bersedia membantu. Pada masa sama persaingan akan terus sengit dan kos pendidikan juga akan terus meningkat.

Justeru baru-baru ini kerajaan mengambil langkah lebih tegas dengan mengumumkan bahawa mulai 1 Januari tahun depan, ibu bapa atau penjaga disyaratkan mempunyai simpanan wajib dalam SSPN sebelum anak mereka layak memohon pinjaman PTPTN.

Apabila sudah keluar perkataan wajib, barulah ramai yang mula sibuk membuka akaun SSPN untuk anak mereka kerana bimbang anak mereka nanti tidak akan mendapat bantuan PTPTN.

Menerusi syarat baru itu, keluarga berpendapatan bulanan melebihi RM2,000 mesti mempunyai simpanan RM3,000 dalam SSPN, manakala berpendapatan kurang RM2,000 sebulan sebanyak RM500. Menurut Menteri Pengajian Tinggi, Datuk

Mustapa Mohamed, syarat itu bertujuan membabitkan penyertaan langsung ibu bapa atau penjaga dalam pembiayaan pengajian anak.

Pada masa sama, ibu bapa atau penjaga dikehendaki menjadi penjamin supaya mereka bertanggungjawab terhadap anak mereka, sama ada daripada aspek pengajian atau bayaran balik pinjaman.

Menerusi syarat baru itu juga mana-mana peminjam tegar yang disenarai hitam sehingga ke peringkat dibawa ke mahkamah, tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap peminjam dan/atau penjamin dengan mengenalkan kadar kos pentadbiran lebih tinggi.

Langkah itu juga diharap mampu membawa keluar masyarakat kita daripada mentaliti mengharap 'tongkat' dan subsidi selama-lamanya. Kita kena ingat, pendidikan anak adalah pelaburan masa depan.

Selagi mentaliti subsidi masih menebal, selagi itulah kita bersikap acuh tidak acuh dalam soal menabung demi pendidikan anak. Justeru, ketegasan kerajaan mewajibkan ibu bapa menyimpan dalam SSPN sebagai syarat menerima pinjaman PTPTN amat wajar; bagi menanam budaya menabung demi masa depan pendidikan anak.

Bebanan kewangan tidak seharusnya menjadi kekangan kepada sesiapa saja untuk mendapatkan pendidikan tinggi. Pelaburan dalam bidang pendidikan bertujuan menjamin kelangsungan hidup generasi demi generasi sesuatu bangsa.

Bercakap soal menyimpan untuk pendidikan juga kita boleh ambil contoh negara maju seperti Amerika Syarikat (AS). Sejak 1996 lagi, Kongres AS meluluskan

pelan simpanan pendidikan merangkumi kos yuran, tuisyen, buku, peralatan pendidikan dan tempat tinggal bagi ibu bapa yang ingin menabung untuk anak sehingga banyak syarikat 'mutual fund' ditubuhkan bagi mengendalikan pelan simpanan di setiap negeri di AS.

Menurut laporan penilaian di AS pada 2003 mendapati dua pertiga ibu bapa yang ditemu bual menabung untuk pendidikan anak dengan purata menabung selama 7.6 tahun dan berjaya menyimpan sebanyak RM89,680.

Menyedari kepentingan sosial dan ekonomi, Kerajaan AS memulakan beberapa program inovatif seperti 'Prepaid Tuitions Program' dan 'College Savings Plan' yang diletakkan di bawah pelan induk '529' bagi memupuk budaya menabung di kalangan ibu bapa.

Dalam tempoh 1998-2004 ia berjaya menarik pelaburan sebanyak AS\$67.7 bilion daripada 7.5 juta pelabur. Ibu bapa di AS menyimpan hampir 26.8 peratus pendapatan tahunan untuk pelajaran anak.

Pepatah Cina ada menyebut, 'Jika kamu merancang untuk setahun, tanamlah gandum, jika sedekad, tanamlah pokok dan jika kamu merancang untuk seribu tahun, tanamlah manusia.'

Sebagai pedoman, bersama-samalah kita memahami ungkapan Saidina Umar ra- 'Ajarlah anak kamu dengan urusan pada zaman mereka kerana mereka akan hidup pada zaman yang bukan lagi menjadi zaman kamu'.

Penulis adalah Ketua Pergerakan Puteri Umno Malaysia.